



**LOKUS KAWALAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN
PRINSIP PERAKAUNAN DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT.**

SALINA BINTI KASSIM



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



**KANDUNGAN****Muka surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	x

BAB1**PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Latar Belakang Pendidikan Perakaunan	8
1.2.2	Kepentingan Pendidikan Perakaunan	10
1.3	Pernyataan Masalah	13
1.4	Model Konseptual	19
1.5	Tujuan Kajian	20
1.6	Objektif Kajian	20
1.7	Persoalan Kajian	21
1.8	Hipotesis Kajian	21
1.9	Kepentingan Kajian	22
1.10	Batasan Kajian	24
1.10.1	Skop Kajian	24
1.10.2	Sampel Kajian	24
1.10.3	Batasan Masa	25
1.11	Definisi Operasional	25
1.11.1	Lokus Kawalan	25
1.11.2	Hubungan	26
1.11.3	Pencapaian	26
1.11.4	Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	27
1.11.5	Pelajar	28



**BAB2****TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	29
2.2	Pendidikan Di Dalam Konteks Masyarakat Malaysia	29
2.3	Teori-Teori Motivasi Dalam Pembelajaran	32
2.3.1	Teori Pembelajaran Sosial	32
2.3.2	Teori Atribusi	34
2.3.3	Teori Motivasi Keberkesanan Kendiri	36
2.3.4	Teori Pembelajaran Sosial Rotter (1971)	37
2.4	Kajian-kajian Berkaitan	50
2.3.1	Kajian Dalam Negeri	50
2.3.2	Kajian Luar Negeri	55
2.5	Konsep Dan Definisi Lokus Kawalan	58
2.6	Pencapaian	59
2.7	Kesimpulan	60

BAB3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	62
3.2	Rekabentuk Kajian	62
3.3	Populasi Dan Persampelan Kajian	63
3.4	Instrumen Kajian	66
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	72
3.6	Prosedur Penganalisaan Data	73
3.6.1	Kaedah Statistik Deskriptif	73
3.6.2	Kaedah Statistik Inferensi	73
3.7	Kesimpulan	76

BAB4**DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	77
4.2	Analisa Dapatan Kajian	78
4.2.1	Statistik Deskriptif Ciri-Ciri Demografi Responden	78
4.2.1.1	Profil Responden Mengikut Sekolah	78
4.2.1.2	Profil Responden Mengikut Lokasi Sekolah	79
4.2.1.3	Profil Responden Mengikut Jantina	79
4.2.1.4	Profil Responden Mengikut Etnik	80
4.2.1.5	Profil Responden Mengikut Aliran	80
4.2.1.6	Profil Responden Mengikut Status Sosioekonomi	81
4.2.1.7	Profil Responden Mengikut Pencapaian	84
4.2.2	Statistik Deskriptif Lokus Kawalan	85
4.2.2.1	Lokus kawalan Mengikut Responden	85
4.2.2.2	Lokus kawalan Mengikut Jantina	85





4.2.2.3	Lokus kawalan Mengikut Lokasi Sekolah	86
4.2.2.4	Lokus kawalan Mengikut Aliran	87
4.2.2.5	Lokus kawalan Mengikut Etnik	87
4.2.3	Statistik Inferensi Lokus Kawalan	88
4.3	Kesimpulan	93

BAB5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	95
5.2	Ringkasan Kajian	96
5.2.1	Objektif Kajian	96
5.2.2	Kaedah Penyelidikan	96
5.3	Rumusan Hasil Kajian	97
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	97
5.4.1	Hubungan Lokus Kawalan Dengan Pencapaian Pelajar	98
5.4.2	Perbezaan Lokus Kawalan Antara Pelajar Lelaki Dan Perempuan	99
5.4.3	Perbezaan Lokus Kawalan Di Antara Pelajar Melayu, Cina, India Dan Lain-lain Etnik	100
5.4.4	Perbezaan Lokus Kawalan Di Antara Pelajar dari Aliran Sains Dan Dari Aliran Sastera	101
5.4.5	Perbezaan Lokus Kawalan Di Antara Pelajar Dari Sekolah Bandar Dan Pelajar Dari Sekolah Luar Bandar	101
5.4.6	Perbezaan Pencapaian Antara Pelajar Lelaki Dan Pelajar Perempuan	102
5.4.7	Kebergantungan Di Antara Lokus kawalan Dan Jantina	102
5.4.8	Kebergantungan Di Antara Lokus kawalan Dan Pencapaian	102
5.5	Implikasi Kajian	103
5.6	Cadangan	107
5.7	Rumusan kajian	110

RUJUKAN DAN BIBLIOGRAFI 113

LAMPIRAN A	Soal Selidik	121
B	Surat-surat Kebenaran	127
C	Perbincangan Kebolehpercayaan Dan Kesahan Skala Dalam-Luaran	128





PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

19hb April 2006

SALINA BT KASSIM
M20041000128





PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas rahmatNya. Penulis sangat terhutang budi di atas pertolongan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang membantu dalam menyiapkan penulisan kajian ini.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah penyelia, Tn. Syed Ismail bin Syed Mohamad di atas bimbingan yang diberikan, pensyarah-pensyarah dari Fakulti Perniagaan dan Ekonomi dan Fakulti Sains Kognitif yang pernah mencurahkan ilmu yang tak ternilai sepanjang tempoh pengajian penulis. Semuga ilmu yang dipelajari mendapat keberkatanNya.

Terima kasih tidak terhingga ditujukan juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Perak Tengah dan Kinta, Pengetua-pengetua sekolah, guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah berkenaan di atas kerjasama yang diberikan. Kepada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih diucapkan atas nasihat dan dorongan.

Akhir sekali, penulis amat menghargai pengorbanan yang diberikan oleh suami tercinta iaitu Prof. Madya Hj. Mohd Fisal bin Hj. Ishak, anak-anak tersayang iaitu Muhammad Faris Hilmi, Farah Amirah, Muhammad Faris Izani, Farah Adilah dan Muhammad Faris Najmi serta bonda Jamiyah bt. Md. Hambali yang selalu mendoakan kejayaan. Semuga Allah memberkati amalan kita semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat hubungan di antara lokus kawalan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Kajian ini juga mengkaji perbezaan lokus kawalan mengikut jantina, aliran, etnik dan lokasi sekolah, termasuk perbezaan pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan. Ujian statistik juga dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat kebergantungan antara lokus kawalan dengan jantina dan pencapaian. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik Skala Dalam-Luaran Rotter yang telah diterjemah untuk mengukur lokus kawalan pelajar. Sampel kajian ini terdiri daripada 225 orang pelajar Tingkatan 4 yang diambil secara persampelan rawak mudah daripada lima buah sekolah di daerah Perak Tengah dan tiga buah sekolah dari daerah Kinta, Perak. Data yang dikumpul dianalisis melalui perisian SPSS 11.5 menggunakan kiraan frekuensi, ujian-t, ANOVA sehala, korelasi Pearson dan ujian Khi Kuasa-Dua. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara lokus kawalan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Dapatan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan lokus kawalan dengan pencapaian pelajar mengikut aliran, etnik dan lokasi sekolah. Tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara lokus kawalan dengan jantina; serta perbezaan pencapaian yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan. Seterusnya terdapat kebergantungan antara lokus kawalan dengan jantina tetapi tidak wujud kebergantungan antara lokus kawalan dengan pencapaian pelajar.





ABSTRACT

The purpose of this research is to determine the relationship between student's locus of control and their achievement in Principle of Accounting. It also examined locus of control among students according to differences in gender, stream, ethnic background and school location, including differences between gender and student's achievement. Tests were also carried out to determine whether there is dependency between locus of control and gender; and student's achievement. The instrument used for this study is Rotter's Internal-External Scale questionnaires which were translated to measure the student's locus of control. The sample for this research consists of 225 Form Four students chosen by simple random sampling from five schools from the Perak Tengah and three schools from Kinta district, Perak. Data collection were analysed using the SPSS Package 11.5, based on frequency count, t-test, one-way ANOVA, Pearson correlation and Chi Square test. The result of this study shows that there is no relationship between locus of control and the student's achievement in Principle of Accounting. It was also found that there is no differences between locus of control and the student's achievement based on stream, ethnic background and school location. However there is significance difference between locus of control and gender and significance difference in achievement between gender. Data analysis shows that there is dependency between locus of control and gender but not with the student's achievement.





SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Bilangan guna tenaga mengikut pekerjaan dan kumpulan etnik, 1990,1995, 1998 dan 2000	11
1.2	Ahli profesional berdaftar mengikut etnik 1990, 1995, 1997, 1998 dan 1999	11
1.3	Analisis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mata pelajaran Prinsip Perakaunan peringkat negeri Perak	15
1.4	Analisis prestasi mata pelajaran Prinsip Perakaunan peringkat daerah Perak Tengah	16
1.5	Analisis prestasi mata pelajaran Prinsip Perakaunan peringkat daerah Kinta	17
1.6	Peringkat pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan	27
3.1	Sampel sekolah terpilih mengikut lokasi dan bilangan responden	64
3.2	Pembahagian markat bagi Skala Lokus Kawalan Dalaman-Luaran Rotter	72
3.3	Klasifikasi kekuatan korelasi	75
4.1	Taburan responden mengikut sekolah	79
4.2	Taburan responden mengikut lokasi sekolah	80
4.3	Taburan responden mengikut jantina	80
4.4	Taburan responden mengikut etnik	81
4.5	Taburan responden mengikut aliran	81
4.6	Taburan responden mengikut status ibubapa	82
4.7	Taburan responden mengikut pekerjaan bapa/ penjaga	82



4.8	Taburan responden mengikut pekerjaan ibu/ penjaga	83
4.9	Taburan responden mengikut pendapatan keluarga sebulan	83
4.10	Taburan responden mengikut bilangan adik beradik	84
4.11	Taburan responden mengikut pencapaian	85
4.12	Lokus kawalan mengikut responden	86
4.13	Lokus kawalan mengikut jantina	86
4.14	Lokus kawalan mengikut lokasi sekolah	87
4.15	Lokus kawalan mengikut aliran	88
4.16	Lokus kawalan mengikut etnik	88
4.17	Koefisien kolerasi di antara lokus kawalan dan pencapaian pelajar	89
4.18	Ujian-t bagi perbezaan lokus kawalan mengikut jantina	90
4.19	Ujian ANOVA sehalu bagi perbezaan lokus kawalan mengikut etnik	90
4.20	Ujian-t bagi perbezaan lokus kawalan mengikut aliran pelajar	91
4.21	Ujian-t bagi perbezaan lokus kawalan mengikut lokasi sekolah	92
4.22	Ujian-t bagi perbezaan pencapaian pelajar mengikut jantina pelajar	92
4.23	Ujian Khi Kuasa-Dua bagi kebergantungan antara lokus kawalan dan jantina	93
4.24	Ujian Khi Kuasa-Dua bagi kebergantungan antara lokus kawalan dan pencapaian	93



SENARAI RAJAH

Rajah

Muka surat

2.1	Tiga Komponen Teori Pembelajaran Sosial	33
2.2	The causal ascriptions of ability, task difficulty, effort, and luck as related to the dimensions of stability-instability and internality-externality	36



**SENARAI SINGKATAN**

AECC	Accounting Education Change Commission
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
IAR	Intellectual Achievement Responsibility
JPN	Jabatan Pelajaran Malaysia
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PPD	Pejabat Pelajaran Malaysia
RIES	Rotter's Internal-External Scale
SES	Status sosioekonomi
SLKDL Rotter	Skala Lokus Kawalan Dalaman-Luaran Rotter





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Di dalam Bab ini pengkaji membincangkan aspek perkembangan personaliti dan kepentingannya di dalam pencapaian akademik. Di samping itu latar belakang pendidikan perakaunan juga dihuraikan serta kepentingannya dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Seterusnya tumpuan diberikan kepada pembolehubah lokus kawalan yang dijadikan sebagai fokus kajian. Pernyataan masalah bagi kajian ini diperjelaskan bersama dengan tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka kerja konseptual dan batasan kajian. Di akhir sekali, dihuraikan definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini.



1.2 Latar Belakang Kajian

Robiah Sidin (1998) menyatakan pendidikan ialah interaksi antara individu dengan individu yang lain atau interaksi antara individu dengan kumpulan-kumpulan sosial tertentu. Tujuan interaksi ialah untuk perkembangan individu dan seterusnya perkembangan masyarakat atau negara. Dalam konteks di atas, pendidikan diertikan sebagai satu proses “sosialisasi” dalam istilah sosiologi. Menerusi proses ini, pendidikan yang diberikan dapat membentuk perkembangan keseluruhan individu dan kumpulan-kumpulan individu.

Secara umum, perkembangan keseluruhan individu merangkumi perkembangan kognitif (mental), afektif (sikap) dan kebolehan atau kemahiran fizikal dan sosial. Perkembangan dalam semua aspek ini akan membawa kepada perkembangan dan kematangan personaliti seseorang individu.

Personaliti seseorang pula dapatlah kita ertikan sebagai gabungan sistem pemikiran, psikologikal dan fizikal di dalam dirinya yang mempengaruhi apabila dia bertindak dan menyesuaikan diri terhadap keadaan sekeliling. Emosi, kematangan, sikap, tabiat, nilai, kepercayaan, sentimen dan kebolehan berdikari adalah sebahagian daripada perkembangan personaliti yang dimaksudkan itu. Personalitilah yang menentukan cara seseorang itu bertindak terhadap keluarga dan masyarakat luar.

Secara umumnya, para pengkaji bersepakat mengatakan bahawa personaliti merupakan ciri-ciri yang dinamik dan tersusun dimiliki oleh seseorang yang secara unik mempengaruhi kognitif, motivasi dan tingkah lakunya dalam pelbagai situasi (Ryckman, 2000).

Oleh itu, ramai pengkaji berpendapat kajian personaliti merupakan analisis saintifik ke atas perbezaan individu yang melibatkan aspek kenapa dan bagaimana manusia bertindak secara unik dan kreatif terhadap perubahan persekitaran (Azlina, 2002).

Berdasarkan kenyataan di atas, maka nyatalah bahawa tugas untuk mendidik dan membentuk personaliti seseorang individu adalah satu tugas yang kompleks dan luas. Tugas ini tidak mungkin dilakukan oleh satu golongan seperti guru-guru di sekolah sahaja. Semua anggota masyarakat yang mempunyai hubungan dengan seseorang individu mempunyai pengaruh dan peranan masing-masing.

Merujuk kepada pendidikan di Malaysia, di dapati bahawa keperluan sosialisasi dan pembentukan personaliti individu dan kumpulan sosial ada dinyatakan dengan jelas sekali (Robiah Sidin, 1998). Dengan itu, pendidikan di Malaysia adalah satu proses pembelajaran yang berterusan untuk membina insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dalam pada itu adalah menjadi hasrat negara untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan berketrampilan untuk mengisi keperluan tenaga manusia.

Ini sejajar dengan usaha negara untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi menerusi permodenan dan pelbagaian. Kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan amat diperlukan untuk meningkatkan produktiviti negara dan meletakkan negara di peringkat yang lebih kompetatif bagi menghadapi persaingan di alaf globalisasi. Justeru itu di sektor perkhidmatan perlu disediakan tenaga kerja yang mahir dalam pentadbiran dan pengurusan sumber-sumbernya khususnya di bidang **kewangan** (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000).

Kecemerlangan akademik dapat diukur daripada banyak segi dan kriteria pengukuran itu adalah berbeza dari satu disiplin ilmu ke disiplin yang lain. Asas

rujukan yang lazim digunakan ialah pencapaian akademik yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan.

Dengan ini, pencapaian dan kejayaan pelajar adalah merupakan isu penting di dalam pendidikan. Kebanyakan pelajar sedar bahawa kemajuan diri sendiri adalah aset penting kepada kejayaan dalam kerjaya yang bakal diceburi. Begitu juga, sekiranya pelajar itu seorang yang boleh berdikari, dia akan lebih berjaya di peringkat kolej, boleh menjalani pendidikan jarak jauh atau apabila terlibat dalam kerjaya masa depan (Glanville, 2002 dalam Boling, A., 2004).

Menyentuh soal kerjaya masa depan, Othman & Mohmad (2005) menyatakan *"Bahawa sudah termaklum kebanyakan organisasi lebih mengutamakan pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik cemerlang untuk bekerja di organisasi mereka. Ini adalah kerana golongan pelajar yang pencapaian akademik cemerlang secara relatifnya bijak, kreatif, bekerja bersungguh-sungguh dan mempunyai kualiti-kualiti baik yang lain. Semua kriteria ini penting kepada organisasi akibat persaingan hebat di era globalisasi di mana sumber manusia yang setanding adalah penting. Oleh itu tidaklah sesuatu yang luar biasa jika kepercayaan organisasi iaitu golongan cemerlang ini merupakan pengurus dan pekerja yang baik, cekap dan mempunyai kredibiliti yang tinggi."* Maka jelas bahawa pencapaian akademik yang baik merupakan salah satu faktor penting dalam pemilihan kerjaya masa depan pelajar.

Ekoran dari fenomena di atas, kajian ini adalah berkaitan dengan persediaan pelajar sama ada mereka lebih berkecenderungan kepada lokus kawalan dalaman atau lokus kawalan luaran. Pelajar-pelajar harus disedarkan supaya tidak terlalu bergantung kepada guru untuk mengajar mereka mengenai semua ilmu pengetahuan yang perlu mereka pelajari.



Seterusnya, Wilson, L.M. & Corpus, D.A. (2003) menyatakan “*Dengan meningkatkan kepercayaan pelajar mengenai kemampuan mereka untuk mencapai dan mengamalkan kemahiran dapat memberi pengalaman kepada mereka untuk mengawal pembelajaran mereka. William Glasser dalam The Quality School (1990) juga mengulangi pernyataan iaitu untuk memahami apa dia motivasi, adalah sepatutnya terlebih dahulu memahami teori kawalan yang bersetuju bahawa semua manusia dilahirkan dengan lima asas keperluan dalam struktur genetik: persaingan, kasih sayang, kuasa, keseronokan dan kebebasan.*” (p.43).

Pembelajaran sepanjang hayat yang mengandungi pembelajaran formal di sekolah dan tidak formal di rumah atau di mana sahaja yang mempunyai capaian internet adalah merupakan hala tuju pembentukan masyarakat e-pembelajaran. Dengan ini e-pembelajaran atau *e-learning* begitu penting dalam pendidikan. Ini dapat dilihat dengan adanya usaha-usaha yang bersungguh-sungguh membangunkan kaedah e-pembelajaran ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang kaya maklumat menerusi penguasaan literasi komputer (Chan, 2000). Oleh itu, para pelajar seharusnya mempunyai kesungguhan yang tinggi dalam menguasai bidang teknologi maklumat ini.

Ekoran dari itu, motivasi ialah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat (Weiner, 1965). Ia menentukan hala dan keberkesanan sesuatu pembelajaran. Dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran, motivasi dianggap sebagai satu unsur yang penting yang membolehkan pelajar-pelajar melibatkan diri secara aktif, di samping menjadikan proses pembelajaran itu berlangsung dalam keadaan yang bermakna, berfaedah dan menyeronokkan (Kamaruddin, 1993). Biasanya motivasi yang baik akan mencipta satu dorongan yang





kuat dan mantap di kalangan pelajar untuk terus minat dengan pelajaran yang disampaikan.

Sementara itu, Harlen & Crick (2003) menyatakan “ *Interaksi pelbagai aspek motivasi dengan kepelbagaian ciri-ciri personal bermakna apa yang memotivasikan kebanyakan pelajar boleh menyisih (alienate) yang lain*” (p.171). Dengan itu, sebagai contoh dalam Teori Jangkaan Vroom mengandaikan setiap tindakan seseorang itu adalah didorong oleh unsur-unsur psikologi yang berkaitan dengan motifnya. Terdapat berbagai-bagai matlamat untuk sesuatu tingkah laku yang ditunjukkan (Zaidatol Akmaliah, 2001). Ini membawa masuk seseorang pelajar itu berusaha kuat mungkin didorong oleh keinginan untuk berjaya, pengiktirafan oleh guru dan sebagainya.



Menurut Stipek dan Wesz (1981), jangkaan atau tanggapan seseorang mengenai keupayaan mengawal sesuatu peristiwa dianggap sebagai satu pembolehubah motivasi yang dapat mempengaruhi pencapaiannya. Oleh itu lokus kawalan juga adalah dianggap sebagai kuasa yang ada di dalam diri individu itu sendiri. Kuasa yang dimaksudkan itu walau bagaimanapun adalah bersifat subjektif (Phares, 1976).

Masalah motivasi pelajar sering menjadi isu dalam dunia pendidikan kerana ia merupakan penggerak kepada pelajar untuk menjadi pro aktif serta mempunyai sifat akauntabiliti dalam pembelajaran di sekolah. Kefahaman terhadap motivasi khususnya dari aspek lokus kawalan adalah berguna bagi menjamin pencapaian yang baik dalam mata pelajaran ini. Dalam kajian ini, penekanan diberikan kepada pembolehubah personaliti dan prestasi akademik.

Sehubungan dengan itu, satu pembolehubah yang selari dengan konsep motivasi yang mempengaruhi daya usaha dan tingkah laku individu ialah lokus





kawalan. Lokus kawalan ialah pusat yang menunjukkan kepercayaan atau jangkaan seseorang tentang nasib dan kejayaannya. Rujukan kepercayaan itu berada sama ada di luar kawalan diri atau di dalam kawalan diri seseorang.

Adalah lebih baik menanam sifat tanggungjawab sebagai pelajar dalam diri mereka sendiri. Para pendidik perlu memupuk pelajar supaya mereka dapat memikul tanggungjawab ini menurut minat dan penetapan matlamat yang pelajar bina sendiri. Ini jelas diperkatakan oleh Vernon F. Jones dan Louise S. Jones (2000) iaitu "*Konsep lokus kawalan seterusnya mengukuhkan kepentingan meningkatkan penglibatan aktif pelajar di dalam proses pembelajaran. Teori White's (1959) mengenai motivasi pencapaian dan DeCharm's (1976) yang terlibat dalam teori kependidikan ini menunjukkan bahawa apabila pelajar terlibat sendiri secara langsung dalam pembelajaran mereka, mereka akan menghasilkan tugas dengan lebih baik dan menjadikan tugas itu sesuatu yang bermakna dan menyeronokkan berbanding jika mereka terpaksa mematuhi arahan semata-mata untuk mendapatkan gred, pujian guru dan sebagainya. Teori Rotter (1966) dan kajian lokus kawalan menunjukkan pelajar-pelajar dapat membangunkan lokus kawalan dalaman dalam diri mereka dengan melibatkan diri dalam persekitaran pembelajaran di mana mereka diberikan tanggungjawab dan pilihan.*" (p.200).

Melihat kepada pendidikan di Malaysia sebagai satu proses pembelajaran yang berterusan untuk membina insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, maka salah satu aspek yang harus diberi perhatian ialah aspek personaliti lokus kawalan yang dapat menyumbang dalam merealisasikan Wawasan 2020.

Pendidikan perakaunan sendiri mempunyai peranannya dalam mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maka dengan itu, kajian ini dijalankan



bertujuan untuk mengenalpasti aspek personaliti lokus kawalan yang mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar supaya ianya bukan setakat dapat melahirkan individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan tetapi juga berupaya mengamal budaya kerja positif dalam sebarang usaha yang dijalankan disamping mempunyai sifat akauntabiliti yang tinggi di dalam diri. Tambahan pula terdapat kajian-kajian lalu yang membuktikan terdapatnya hubungan di antara lokus kawalan dan pencapaian akademik pelajar.

1.2.1 Latar Belakang Pendidikan Perakaunan

Menurut Sukumaran (1991), pendidikan perakaunan adalah satu pengajian mengenai semua peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip tentang perekodan angka dalam nilai-nilai kewangan. Di antara istilah yang digunakan untuk pendidikan perakaunan di dalam sistem pendidikan di Malaysia ialah Simpan Kira dan Prinsip Perakaunan. Perbezaan yang wujud antara keduanya adalah merujuk kepada setakat mana tajuk-tajuk di dalam perakaunan dilitupi mengikut tahap pendidikan.

Oleh itu, di sekolah, Prinsip Perakaunan merupakan perluasan dan lanjutan kepada aspek menyimpan rekod yang dipelajari dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah. Walau bagaimanapun, isi kandungan mata pelajaran Prinsip Perakaunan melampaui bidang simpan kira yang lebih mengutamakan proses merekod urusanniaga.

Melalui mata pelajaran ini, pelajar didedahkan kepada konsep, prinsip dan kaedah perakaunan yang diperkukuhkan dengan kemahiran merekod, mengelas, mentafsir, menganalisis dan mensintesis data kewangan berdasarkan urusanniaga atau peristiwa perniagaan. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada penggunaan komputer



dalam sistem perakaunan berkomputer selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa.

Di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), semua pelajar menengah rendah dikehendaki mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu sebagai satu mata pelajaran wajib. Aspek simpan kira terdapat di dalam komponen perdagangan dan keusahawanan. Dengan ini dibawah KBSM, semua pelajar menengah rendah dikehendaki mempelajari aspek simpan kira.

Selain daripada mata pelajaran teras dan tambahan, pelajar-pelajar di peringkat menengah atas perlu mengambil sekurang-kurangnya dua tetapi tidak melebihi empat mata pelajaran. Mata pelajaran elektif dikategorikan kepada empat kumpulan iaitu kemanusiaan, vokasional dan teknologi (VT), sains dan pengajian Islam. Salah satu mata pelajaran pilihan yang wajib diambil oleh pelajar adalah dari kumpulan VT. Di antara mata pelajaran lain di dalam kumpulan VT ialah Prinsip Perakaunan, Perdagangan dan Ekonomi Asas. Terdapat pelajar dari aliran sains yang mengambil kertas Prinsip Perakaunan. Bagi kumpulan kedua yang mengambil kertas ini dikategorikan sebagai sastera ikhtisas.

Apabila pelajar berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang perakaunan, dapatan dari kajian-kajian pendidikan menunjukkan pendekatan belajar adalah berbeza bergantung kepada disiplin dan sifat subjek itu sendiri. Lebih dari sedekad yang lalu, Accounting Education Change Commission (AECC) mengeluarkan cadangan-cadangan berkaitan dengan pendidikan perakaunan secara umum dan kursus pengenalan kepada perakaunan secara khusus. AECC secara keseluruhannya memberi penekanan kepada pelajar tentang keperluan untuk meningkatkan kemahiran belajar secara analitikal dan konseptual dan bukan hanya setakat menghafal piawaian-piawaian professional semata-mata (Rafik, 2005).



Dengan ini pelajar akan menggunakan pendekatan pembelajaran menyeluruh sekiranya guru dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang memotivasikan pelajar untuk lebih bertanggungjawab terhadap pembelajarannya (lokus kawalan dalaman) dan seterusnya menyediakan persekitaran bilik darjah yang dapat memenuhi keperluan pelajar (Fraser, 1986) dalam Burnett & Proctor (2000).

1.2.2 Kepentingan Pendidikan Perakaunan

Dasar Ekonomi baru (DEB) yang dilaksanakan dalam tempoh 1971-1990, dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang bermula dari 1999-2000 adalah dasar pembangunan jangka panjang yang mempengaruhi pencorakan pembangunan ekonomi negara dan ekonomi kaum bumiputera khususnya.

Kedua-dua dasar ini telah memberi penekanan kepada agenda membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum serta mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai langkah untuk meningkatkan pembangunan ekonomi bumiputera.

Secara keseluruhan pencapaian matlamat pembentukan MPPB masih lagi rendah (Mohd Saharudin & Abu Sufian, 2006). Pencapaian pembentukan MPPB yang masih belum boleh dibanggakan merupakan satu cabaran yang perlu diharungi dalam menghadapi era globalisasi ini.

K-ekonomi yang merupakan teras pembangunan ekonomi pada era globalisasi memerlukan pekerja professional khususnya dalam bidang teknikal. Jadual 1.1 menunjukkan sebahagian bilangan guna tenaga mengikut pekerjaan dan kumpulan etnik. Ia menunjukkan bilangan pekerja profesional bumiputera adalah lebih tinggi berbanding dengan bukan bumiputera.

Jadual 1.1

Bilangan guna tenaga mengikut pekerjaan dan kumpulan etnik,
1990, 1995, 1998 dan 2000

Kumpulan Pekerjaan	1990		1995		1998		2000	
	Bumi (%)	Non- Bumi (%)	Bumi (%)	Non- Bumi (%)	Bumi (%)	Non- Bumi (%)	Bumi (%)	Non- Bumi (%)
Profesional dan Teknikal	352.8 (10)	231.6 (7.2)	283 (7.2)	576 (13.3)	576 (13.3)	337.5 (8)	620.7 (13.7)	355.1 (8.1)

(Sumber: Unit Perancangan Ekonomi)

Nota: Bukan bumiputera termasuk bukan warganegara
Mengikut definisi Kamus Klasifikasi Pekerjaan, pekerjaan profesional dan teknikal juga meliputi kategori separa profesional seperti pelukis pelan, pembantu makmal, guru dan juga jururawat.

Jadual 1.2

Ahli profesional berdaftar mengikut etnik 1990, 1995, 1997, 1998 dan 1999.

Profesional	1990		1995		1997		1998		1999	
	Bumi (%)	Non- Bumi (%)	Bumi (%)	Non- Bumi (%)	Bumi (%)	Non- Bumi (%)	Bumi (%)	Non- Bumi (%)	Bumi (%)	Non- Bumi (%)
Akauntan	11.2	88.8	16.1	83.9	15.7	84.3	15.2	84.8	15.9	84.1

(Sumber: Unit Perancangan Ekonomi)

Jadual 1.2 pula menunjukkan jumlah ahli profesional berdaftar bumiputera iaitu akauntan juga telah meningkat daripada 11.2 % pada 1990 kepada 16.1% pada 1995 dan turun sedikit semula kepada 15.9% pada tahun 1999. Walaupun mencatatkan



peningkatan antara tahun 1990 dan 1999, peratusan ahli profesional bumiputera dalam bidang kerjaya sebagai akauntan masih rendah berbanding bukan bumiputera.

Sebagaimana yang kita maklum, bidang keusahawanan juga merupakan satu bidang yang membantu pertumbuhan ekonomi dari segi peluang pekerjaan. Tambahan pula salah satu ciri penting bagi usahawan yang berjaya ialah memiliki pengetahuan dan kemahiran di dalam aspek perakaunan seperti penyimpanan rekod-rekod kewangan, menyediakan penyata kewangan dan sebagainya. Dengan ini, pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan perakaunan yang cemerlang dapat menjadi usahawan yang berjaya (Suhaida, 2002). Seterusnya Hansemark (1998) dalam Rasheed (2000) mendapati golongan awal dewasa yang terlibat dalam program keusahawanan dapat memupuk lokus kawalan dalaman dalam diri mereka.



Seterusnya, pendidikan perakaunan turut menyediakan pelajar ke arah satu bidang kerjaya yang amat diperlukan di dalam dunia perniagaan sebagai sumber penyediaan maklumat kewangan. Mereka juga bertanggungjawab untuk membekalkan maklumat kewangan bagi sesuatu entiti perniagaan. Di sini pendidikan perakaunan memberikan laluan kerjaya sama ada di sektor awam atau swasta yang banyak kepada pelajar seperti kerani akaun, pegawai akaun, bendahari kewangan, akauntan, pengurus kewangan dan sebagainya.

Dalam bidang perakaunan itu sendiri mempunyai bahasa perniagaan iaitu bahasa perakaunan. Istilah-istilah perakaunan digunakan semasa berkomunikasi sama ada secara lisan ataupun bertulis. Anggota masyarakat yang terlibat dengan perniagaan perlu menerima pendedahan di dalam aspek perakaunan bagi membolehkan mereka menguasai sesuatu urusan perniagaan.



Maka dengan sebab itu, salah satu objektif pendidikan di peringkat menengah adalah supaya pelajar memperoleh pengetahuan dan menguasai kemahiran serta mengamalkannya di dalam kehidupan seharian seperti menyediakan belanjawan peribadi.

Dengan itu pendidikan perakaunan seharusnya diberi tumpuan dan lebih ramai pelajar patut digalakkan mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan kerana aspek perakaunan banyak memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara.

1.3 Pernyataan masalah

Dalam perutusan tahun baru 2006, Y.B Dato. Sri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia menyatakan kurikulum yang hendak dibangunkan seharusnya berupaya memberi pendedahan kepada pelajar terhadap realiti serta kehendak pasaran dan industri.

Dalam proses pembelajaran masa kini, mungkin wajar memikirkan pendekatan secara yang berasaskan pengurusan projek (*project management based*) agar kefahaman dan kemahiran pelajar dapat digilap secara lebih menyeluruh. Persoalannya adakah pelajar-pelajar bersedia dan mempunyai semangat yang tinggi dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran di atas?

Dari senario di atas, pelajar-pelajar perlu mempunyai inisiatif dan bertanggungjawab untuk meningkatkan prestasi dalam mata pelajaran ini. Dengan kata lain, pelajar tidak boleh terlalu bergantung kepada guru untuk mengajar mereka mengenai semua ilmu pengetahuan yang perlu mereka pelajari. Pendekatan ini sangat



penting tidak kira sama ada pengujian yang akan dilakukan berasaskan kandungan ataupun berasaskan kemahiran.

Glanville (2002) dalam Boling, A. (2004) menyatakan sekiranya pelajar itu seorang yang boleh berdikari, dia akan lebih berjaya semua peringkat sama ada di peringkat sekolah, peringkat kolej, menjalani pendidikan jarak jauh atau apabila terlibat dalam kerjaya masa depan.

Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Hon Choon Kim, kerajaan telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 60% daripada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini mengikuti aliran sains dan teknologi menjelang tahun 2010. Ini adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang maju menjelang abad 21 dengan memastikan nisbah pelajar sains dan kemanusiaan ialah 60:40. Ini adalah untuk memenuhi keperluan tenaga mahir manusia dalam bidang kejuruteraan, teknikal, perubatan dan pergigian, senibina, seni ukir, **perakaunan** dan pengurusan yang merangkumi sebanyak 80% (Mok, 1996).

Prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi negeri Perak dapat dilihat melalui keputusan Sijil Pelajaran Malaysia dalam tempoh enam tahun seperti dalam Jadual 1.3 di sebelah.



Jadual 1.3

Analisis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mata pelajaran
Prinsip Perakaunan peringkat negeri Perak

Tahun	Peratus Lulus
2000	72.1
2001	69.1
2002	68.9
2003	63.9
2004	73.1
2005	67.70

(Sumber: Jabatan Pelajaran Negeri Perak)

Daripada jadual di atas, analisis peperiksaan SPM mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi negeri Perak menunjukkan berlakunya penurunan peratus kelulusan iaitu 72.1% (2000) kepada 63.9% (2003). Keputusan meningkat kepada 73.1% (2004) dan pada tahun tersebut sukatan baru bagi mata pelajaran ini dilaksanakan di mana terdapat Kertas Satu yang berbentuk objektif. Bagi tahun 2005, keputusan kembali menurun kepada 67.70%. Maka di sini, faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pencapaian pelajar perlu di beri perhatian sewajarnya.

Bagi sekolah-sekolah yang terlibat di dalam kajian ini, analisis peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk tempoh dua tahun adalah seperti dalam Jadual 1.4 di sebelah.

Jadual 1.4

Analisis prestasi mata pelajaran Prinsip Perakaunan
peringkat Daerah Perak Tengah.

	Jumlah % Lulus		Beza (%) Lulus
Sekolah Luar Bandar	2005	2004	2005-2004
SMK Dato Abdul Rahman Yaakub Bota	88.57	93.10	-4.53
SMK Sultan Muhammad Shah Parit	75.00	-	-
SMK Iskandar Shah Parit	50.00	67.86	-17.86
SMK Seri Iskandar Bota	35.71	56.25	-20.54
SMK Dato' Seri Maharaja Lela Kg. Gajah	34.15	63.33	-29.19

(Sumber: Pejabat Pelajaran Daerah Perak Tengah)

Gambaran tentang pencapaian akademik pelajar luar bandar yang diperolehi dalam peperiksaan peperiksaan umum akan memberikan gambaran suasana kepada kajian ini. Daripada jadual di atas menunjukkan penurunan prestasi dalam mata pelajaran prinsip perakaunan bagi empat daripada lima buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Nilai peratus penurunan juga agak ketara iaitu 17.86% (SMK Iskandar Shah), 20.54% (SMK Seri Iskandar) dan 29.19% (SMK Dato' Seri Maharaja Lela). Apakah ini suatu petanda bahawa pelajar-pelajar di sekolah luar bandar tidak dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam mata pelajaran ini? Subjek kajian yang terlibat dari sekolah- sekolah luar bandar adalah terdiri dari bangsa Melayu.

Robiah (1998) menyatakan bahawa rata-rata dapat dikatakan bahawa pencapaian pelajar Melayu adalah jauh lebih rendah daripada yang bukan Melayu.

Seterusnya beliau menyatakan sehingga 1983 hanya dalam peperiksaan darjah lima, golongan bumiputera mengatasi golongan yang bukan bumi. Implikasinya ialah bahawa dalam peperiksaan di peringkat yang terendah sekali ramai pelajar dari luar bandar yang lulus dengan baik dan cemerlang. Namun, hakikat ini tidak berterusan ke peringkat yang lebih tinggi.

Jadual 1.5

Analisis prestasi mata pelajaran Prinsip Perakaunan
peringkat Daerah Kinta

Sekolah Bandar	Jumlah % Lulus		Beza (%) Lulus
	2005	2004	2005-2004
SMK Anderson, Ipoh	100	100	0.00
SMK St Michael, Ipoh	48.7	78.7	-30.00
SMK Perempuan Methodist, Ipoh	97.5	98.36	-0.36

(Sumber: Sekolah Yang Terlibat)

Berdasarkan analisis di atas, di dapati peratusan kelulusan mata pelajaran Prinsip Perakaunan di sekolah bandar adalah jauh lebih baik daripada pencapaian pelajar-pelajar di luar bandar kecuali pelajar dari SMK St .Michael, Ipoh. Persoalannya, adakah pelajar bandar lebih bermotivasi berbanding dengan pelajar luar bandar?

Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab guru supaya memudahkan proses pembelajaran bagi pelajar-pelajarnya dan membuat pengalaman belajar itu iklim pembelajaran yang sesuai agar pelajar-pelajarnya mempunyai sikap dan keinginan untuk belajar dan mencari pengetahuan tetapi pembelajaran sebenarnya bergantung kepada pelajar itu sendiri (Rahimah, 1992). Persoalannya adakah pelajar-pelajar

dalam kajian ini berkecenderungan lokus kawalan dalaman atau luaran dalam menangani isu ini?

Pelajar-pelajar perlu dikenali pasti sama ada mereka menjangkakan kejayaan yang diharapkan adalah dari usaha mereka sendiri atau disebabkan oleh faktor-faktor lain yang di luar kawalan mereka. Ini adalah kerana menurut Weiner (1979), kejayaan atau kegagalan boleh disebabkan oleh empat perkara, iaitu kebolehan, usaha, nasib dan kesukaran tugas pembelajaran. Sesetengah orang mengaitkan kejayaan yang mereka peroleh dengan kebolehan mereka. Ada pula yang percaya bahawa mereka berjaya sebab nasib mereka baik dan mereka gagal kerana kebolehan mereka lemah.

Sering diperkatakan bahawa mendapat pendidikan yang baik adalah kunci kepada kejayaan. Persoalan yang timbul, apakah yang menentukan kejayaan pelajar di sekolah? Dalam kajian-kajian lalu, penekanan kepada pembolehubah personaliti agak kurang dikaji untuk aktiviti kognitif dan pencapaian akademik.


Di antara kajian yang telah dijalankan di dalam bidang perakaunan adalah mengenai Kurikulum Prinsip Akaun (Tham Charn Hoong, 1987; Che Lai, 1993), Perkaitan antara pencapaian di dalam Matematik dengan pencapaian di dalam Prinsip Akaun (Tee Poh Wah, 1989), Sikap dan pencapaian dalam Perakaunan (Halimah, 1992), Penggunaan buku teks di dalam Prinsip Akaun (Mohd Salleh, 1993), Hubungan antara strategi pembelajaran dengan pencapaian pelajar tingkatan 4 dalam Prinsip Akaun di sekolah menengah (Rihan, 2002) dan Masalah pengajaran dan pembelajaran Prinsip Akaun (Hanuni Yusof, 2003).

Dalam konteks pendidikan, lokus kawalan adalah merujuk kepada jenis atribusi yang dilakukan untuk kejayaan atau kegagalan di dalam sekolah. Jika seseorang pelajar itu percaya bahawa kejayaan atau kegagalan adalah berkait dengan



kawalan mereka seperti daya usaha atau kemampuan mereka, pelajar itu dikatakan mempunyai lokus kawalan dalaman. Sekiranya seseorang pelajar itu percaya bahawa kejayaan atau kegagalan adalah merujuk kepada faktor-faktor di luar kawalan, maka pelajar itu dikatakan mempunyai lokus kawalan luaran.

1.4 Model Konseptual



Kerangka konseptual yang digunakan bagi kajian ini merupakan model perkaitan yang menunjukkan arah kekuatan pengaruh faktor-faktor latar belakang dan lokus kawalan ke atas pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.





1.5 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan lokus kawalan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan dengan mengambilkira faktor jantina, etnik, aliran dan lokasi sekolah.

1.6 Objektif Kajian:

Objektif kajian dinyatakan seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti hubungan antara lokus kawalan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
2. Untuk menentukan perbezaan lokus kawalan mengikut jantina di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
3. Untuk menentukan perbezaan lokus kawalan mengikut etnik di antara pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain etnik.
4. Untuk menentukan perbezaan lokus kawalan mengikut aliran di antara aliran sains dan aliran sastera ikhtisas.
5. Untuk menentukan perbezaan lokus kawalan mengikut lokasi di antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar.
6. Untuk menentukan perbezaan pencapaian prinsip perakaunan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
7. Untuk melihat sama ada terdapat kebergantungan di antara lokus kawalan dengan jantina pelajar.
8. Untuk melihat sama ada terdapat kebergantungan di antara lokus kawalan dengan pencapaian pelajar.





1.7 Persoalan Kajian:

Berdasarkan objektif kajian, persoalan-persoalan kajian ialah:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara locus kawalan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan?
2. Adakah terdapat perbezaan locus kawalan mengikut jantina di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?
3. Adakah terdapat perbezaan locus kawalan mengikut etnik di antara pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain?
4. Adakah terdapat perbezaan locus kawalan mengikut aliran di antara pelajar dari aliran sains dan pelajar dari aliran sastera ikhtisas?
5. Adakah terdapat perbezaan locus kawalan mengikut lokasi di antara pelajar dari sekolah bandar dan pelajar dari sekolah luar bandar?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian prinsip perakaunan antara pelajar lelaki dan perempuan?
7. Adakah terdapat kebergantungan di antara locus kawalan dengan jantina?
8. Adakah terdapat kebergantungan di antara locus kawalan dengan pencapaian pelajar?

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini bertujuan melihat sama ada terdapat atau tidak hubungan antara locus kawalan dalam mata pelajaran prinsip perakaunan serta kesan jantina, etnik, aliran dan lokasi sekolah ke atas pencapaian mereka. Untuk menjawab soalan-soalan kajian, pengkaji telah membina hipotesis umum seperti berikut:





- H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan lokus kawalan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan lokus kawalan di antara pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain etnik.
- H₀₄: Tidak terdapat perbezaan lokus kawalan di antara pelajar dari aliran sains dan pelajar dari aliran sastera ikhtisas.
- H₀₅: Tidak terdapat perbezaan lokus kawalan di antara pelajar dari sekolah bandar dan pelajar dari sekolah luar bandar.
- H₀₆: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian prinsip perakaunan antara pelajar lelaki dan pelajaran perempuan.
- H₀₇: Tidak terdapat kebergantungan di antara lokus kawalan dengan jantina pelajar.
- H₀₈: Tidak terdapat kebergantungan di antara lokus kawalan dengan pencapaian pelajar.

1.9 Kepentingan Kajian

- 1.9.1 Kajian ini dapat memberi satu garis panduan kerana sebagai satu gagasan motivasi, lokus kawalan penting kerana ia boleh menjadi petunjuk kepada daya usaha dan tingkah laku seseorang. Dalam konteks kajian ini, tingkahlaku yang dimaksudkan ialah pencapaian akademik dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Dalam kajian seperti ini dijangkakan dapat meningkatkan maklumat baru secara empirikal mengenai lokus kawalan dengan pencapaian akademik dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.



- 1.9.2 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan sekolah dapat menggunakan dapatan kajian ini sebagai asas untuk merancang program dan aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk memahami dengan lebih mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam menghadapi pembelajaran mereka khususnya dalam meningkatkan kualiti pencapaian dalam mata pelajaran ini. Dengan kata lain, kajian ini dapat menentukan faktor yang dapat menjangkakan kejayaan akademik bagi pelajar yang mengambil kertas Prinsip Perakaunan di peringkat sekolah menengah.
- 1.9.3 Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada guru-guru di sekolah tentang keperluan kefahaman tentang lokus kawalan pelajar dan dapat mengubahsuai reka bentuk instruksional, program dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran selaras dengan keperluan, objektif dan matlamat pembelajaran pelajar.
- 1.9.4 Daripada hasil kajian ini juga, pihak pentadbir, guru dan kaunselor sekolah dapat mempertimbangkan pengukuran-pengukuran lain ke atas pencapaian akademik seperti lokus kawalan dalam mempengaruhi keputusan akademik. Ini menunjukkan pencapaian akademik bukan sahaja dipengaruhi oleh gaya pembelajaran, strategi pengajaran guru, status sosioekonomi dan sebagainya.
- 1.9.5 Jika lokus kawalan pelajar dapat mengubah personaliti pelajar berbanding dengan faktor kemampuan atau status sosioekonomi, maka pencapaian pelajar dapat ditingkatkan secara tidak langsung melalui amalan-amalan pendidikan yang secara positif memberi kesan kepada pembangunan pembolehubah personaliti dalam aspek lokus kawalan ini.

- 1.9.6 Kajian terhadap lokus kawalan pelajar sangat bermakna untuk mengenalpasti sejauhmana pelajar-pelajar hari ini boleh mempunyai semangat dan daya saing yang tinggi dalam menghadapi cabaran peperiksaan dan juga bidang kerjaya masa depan sama ada dalam sektor awam, swasta ataupun keusahawanan.
- 1.9.7 Akhir sekali, kajian ini juga dapat membantu pelajar menilai diri sendiri seterusnya membentuk keyakinan diri serta matlamat pembelajaran yang ingin dicapai dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan khususnya.

1.10 Batasan Kajian

1.10.1 Skop Kajian

Skop kajian hanya menumpukan kepada lokus kawalan pelajar terhadap pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan pertengahan tahun sahaja. Kajian ini juga hanya terbatas kepada aspek jantina, etnik, aliran dan lokasi sekolah sahaja.

1.10.2 Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat yang mengambil kertas Prinsip Perakaunan dan terbatas kepada tiga buah sekolah di kawasan bandar (Daerah Kinta) dan lima buah sekolah di kawasan luar bandar (Daerah Perak Tengah) sahaja. Oleh itu ia tidak meliputi pelajar dari sekolah dan daerah yang lain dalam negeri Perak. Keputusan kajian yang dibuat mungkin tidak dapat digunakan untuk membuat



generalisasi bagi semua sekolah di Malaysia atau sekolah-sekolah di kawasan lain kerana kajian ini melibatkan sampel yang kecil sahaja.

1.10.3 Batasan Masa

Batasan masa juga perlu diambilkira kerana masa yang diperlukan untuk menjalankan kajian ini adalah selama empat bulan sahaja. Jadi penyelidik mempunyai kekangan masa untuk menyiapkan tugas kajian ini.

1.11 Definisi Operasional

1.11.1 Lokus kawalan

Mengikut Rotter (1966), lokus kawalan ialah darjah atau sejauhmana individu menerima tanggungjawab peribadi tentang sesuatu perkara yang berlaku ke atas dirinya sendiri berbanding dengan menganggapnya sebagai disebabkan oleh perkara-perkara yang di luar daripada kawalannya.

Terdapat dua jenis lokus kawalan iaitu lokus kawalan dalaman dan lokus kawalan luaran. “ Rotter (1966, 1975) menegaskan bahawa seseorang individu itu boleh berada di mana-mana sepanjang satu kontinum dalaman dan luaran merujuk kepada bagaimana mereka melihat tingkahlaku itu diteguhkan. Lokus kawalan diterima sebagai sesuatu jangkaan umum berkait dengan kemampuan untuk mengawal apabila menerima sesuatu peneguhan.” (Petri, 1996 p.247).



1.11.2 Hubungan

Hubungan adalah perkaitan di antara dua perkara yang berhubung kait di antara satu sama lain. Dalam konteks kajian ini, hubungan merujuk kepada perkaitan di antara lokus kawalan dengan pencapaian akademik dalam mata pelajaran prinsip perakaunan yang berdasarkan keputusan peperiksaan bagi pelajar-pelajar sekolah bandar dan di luar bandar.

1.11.3 Pencapaian

Menurut Phares (1976), pencapaian adalah pembolehkan keinginan atau motivasi. Ini melibatkan keinginan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dan keinginan untuk melebihi orang lain.

Dalam kajian ini, pencapaian pelajar adalah merujuk kepada **markah** yang diperolehi bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan pertengahan tahun sebagai penentu kejayaan atau kegagalan. Jika skor pelajar melebihi markah yang ditentukan bermakna pelajar itu telah mencapai kejayaan tetapi jika sebaliknya, ini bermakna pelajar itu telah gagal dalam mata pelajaran tersebut. Untuk kajian ini, markah yang menentukan pelajar lulus atau gagal telah ditetapkan seperti dalam Jadual 1.6 di sebelah.

Jadual 1.6

Peringkat pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan

Pencapaian	Markah		
Lulus	85	hingga	100
	75	hingga	79
	70	hingga	74
	65	hingga	69
	60	hingga	64
	50	hingga	59
	40	hingga	49
Gagal	30	hingga	39
	0	hingga	29

1.11.4 Mata pelajaran Prinsip Perakaunan

Prinsip Perakaunan ialah asas perakaunan bagi pelajar Tingkatan 4 dan 5 yang mengambilnya sebagai mata pelajaran elektif dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah Kumpulan Vokasional dan Teknik. Mata pelajaran ini merupakan peluasan dan lanjutan kepada aspek menyimpan rekod yang dipelajari dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah. Prinsip perakaunan diajar supaya pelajar dapat memperolehi pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan melalui proses pembelajaran yang menitikberatkan aspek pemahaman rasional sesuatu perkara itu dilakukan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000).



1.11.5 Pelajar

Pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar Tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah menengah harian di Daerah Kinta dan di Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan.

